



Headline: Macau scam guna nama mahkamah jerat Language: Malay mangsa

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 8 November 2018

Section: Jenayah
Page: 60

Macau Scam guna nama mahkamah jerat mangsa

Kuala Lumpur: Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) mengesahkan sindiket Macau Scam kini menggunakan nama dan identiti mahkamah dalam modus operandi mereka menjerat mangsa.

PKPMP dalam satu kenyataan, semalam, pihaknya menerima banyak aduan daripada orang awam mengenai panggilan beberapa individu mendakwa sebagai pegawai mahkamah.

Katanya, berdasarkan aduan, individu menyamar terbabit akan menuntut bayaran tunggakan seperti hutang, saman, kesalahan tidak membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta kesalahan berkaitan dadah daripada mangsa.

“Merujuk kepada aduan orang awam, selain laporan media tempatan bertarikh 6 November lalu bertajuk ‘Jurutera rugi RM70,000 ditipu



Berdasarkan aduan, individu menyamar terbabit akan menuntut bayaran tunggakan seperti hutang, saman, kesalahan tidak membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta kesalahan berkaitan dadah daripada mangsa”

Kenyataan PKPMP

sindiket’ yang mendedahkan sindiket penipuan menggunakan nama dan identiti mahkamah, PKPMP mengesahkan ia sebahagian modus operandi sindiket itu.

“PKPMP memohon kerjasama orang ramai agar tidak terperdaya dengan panggilan sedemikian,” katanya.

Buat aduan

Menurut kenyataan itu lagi, sekiranya menerima panggilan sedemikian, orang ramai dinasihatkan membuat semakan, aduan atau pertanyaan terlebih dahulu melalui e-mel kepada komunikasikorporat@kehakiman.gov.my.

Orang ramai boleh menghubungi PKPMP Semenanjung menerusi talian 03-88803500 atau 03-88804607, Sabah (088-286100/088-675570/089-764401) dan PKPMP Sarawak (082-442228/085-418118/084-333788/086-334189).